



11 MAY, 2022

## FAMA sedia bantu petani pasarkan hasil tani

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

### FAMA sedia bantu petani pasarkan hasil tani

**KUANTAN** - Petani di Pahang tidak perlu bimbang untuk memikirkan platform dan akses terbaik untuk memasarkan hasil tani masing-masing.

Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Pahang, Saiful Sadri berkata, sebaliknya petani hanya perlu mendapatkan bantuan FAMA, jika sukar memasarkan hasil tani.

Menurutnya, banyak sumber untuk membantu memasarkan hasil tani seperti mengadakan aktiviti Pasar Tani di lokasi terpilih dalam negeri ini.

“Saya maklum petani, Marzuki Mustaffa di Kampung Temalian, Ulu Dong, Raub telah mengeluarkan kira-kira 10,000 kuntum bunga kantan seminggu dan dia tidak memiliki kenderaan sesuai untuk memasarkan produk berkenaan.

“Jadi, FAMA Daerah Raub telah menyediakan kemudahan kenderaan pacuan empat roda untuk menghantar hasil pertanian berkenaan, usaha berkenaan antara perkhidmatan yang disediakan kepada petani yang merupakan peserta ladang kontrak kita,” katanya ketika dihubungi pada Selasa.

Beliau menjelaskan, perkhidmatan yang disediakan itu mampu memberi pendapatan yang lebih kepada petani.

Menurutnya, ini kerana petani dapat memasarkan



FOTO: FAMA PAHANG

**Marzuki sedang menyusun bunga kantan sebelum dipunggah oleh pihak FAMA untuk dipasarkan.**

kan produk terus kepada pemborong dalam jumlah yang banyak dalam satu masa.

“Bila mereka dapat perluaskan pasaran sudah pasti perolehan akan meningkat, sekali gus dapat memberi pulangan lumayan pada mereka,” ujarnya.

Sehubungan itu, beliau berharap petani di Pahang dapat berhubung dengan FAMA daerah bagi mendapat pandangan seterusnya peluang pemasaran yang lebih luas hasil pertanian mereka.



11 MAY, 2022

## FAMA sedia bantu petani pasarkan hasil tani

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

KUANTAN - Petani di Pahang tidak perlu bimbang untuk memikirkan platform dan akses terbaik untuk memasarkan hasil tani masing-masing. Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Pahang, Saiful Sadri berkata, sebaliknya petani hanya perlu mendapatkan bantuan FAMA, jika sukar memasarkan hasil tani. Menurutnya, banyak sumber untuk membantu memasarkan hasil tani seperti mengadakan aktiviti Pasar Tani di lokasi terpilih dalam negeri ini.